

***Tarikh Dibaca: 26 September 2025M | 04 Rabi'ul Akhir 1447H***



# **KHUTBAH JUMAAT**

***Tajuk:***

***“PERKAHWINAN: MENYATUKAN HATI,  
MENYEMPURNAKAN AGAMA”***

***\*\*\****

***Terbitan:***

***Unit Khutbah***

***Bahagian Pengurusan Masjid***

***JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR***

## “PERKAHWINAN: MENYATUKAN HATI, MENYEMPURNAKAN AGAMA”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: وَمِنْ ءَايَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ.<sup>1</sup>

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى : يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.<sup>2</sup>

Muslimin yang dirahmati Allah SWT sekalian,

Saya menyeru agar kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan

<sup>1</sup> Al-Rum: 21.

<sup>2</sup> Ali-Imran: 102.

**meninggalkan segala perkara yang dilarang-Nya.** Semoga kita semua diberikan kebahagiaan dan kejayaan di dunia dan di akhirat. Para jemaah diingatkan supaya jangan berbual-bual dan bermain dengan telefon bimbit ketika khutbah disampaikan.

Pada hari yang mulia ini mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk **“PERKAHWINAN: MENYATUKAN HATI, MENYEMPURNAKAN AGAMA”**.

**Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah SWT,**

Perkahwinan bukan sekadar penyatuan dua insan, bahkan ia adalah satu akad yang bersifat maknawi, iaitu kontrak yang mengikat pasangan dengan suatu amanah dan tanggungjawab yang besar. Melalui akad ini, wujudlah tanggungjawab dan hak yang wajib dipelihara bersama, dengan memahami peranan suami sebagai pemimpin keluarga yang memberi nafkah, bimbingan dan perlindungan. Manakala isteri pula sebagai pendamping yang taat, menjaga maruah diri dan keluarga serta melengkapi kekurangan yang ada. Dalam hal ini Nabi SAW telah menegaskan dalam sebuah hadis yang diriwayatkan daripada Abdullah bin Amr *Radiallahuanhuma* bahawa Baginda SAW bersabda:

فَإِنَّ لِّجَسَدِكَ عَلَيْكَ حَقًّا، وَإِنَّ لِّعَيْنِكَ عَلَيْكَ حَقًّا، وَإِنَّ  
لِّزَوْجِكَ عَلَيْكَ حَقًّا

*“Sesungguhnya jasadmu mempunyai hak ke atasmu, matamu mempunyai hak ke atasmu, dan isterimu juga mempunyai hak ke atasmu.”*

*(Riwayat al-Bukhari).*

Hadis ini memberi peringatan bahawa dalam membina rumah tangga, suami wajib menunaikan hak isterinya. Begitu juga syarak mewajibkan kepada isteri untuk menunaikan hak suaminya. Apabila hak-hak ini dipelihara, dengan izin Allah SWT akan lahir keluarga yang sejahtera, berteraskan sakinah, mawaddah dan rahmah. Namun, andai ada kekurangan dalam menunaikan tanggungjawab baik suami mahupun isteri, maka utamakanlah sikap ihsan, kesabaran dan rasa syukur agar ikatan yang dibina tetap terpelihara dan mendapat keberkatan Allah SWT di dunia dan di akhirat.

Begitu juga, untuk membawa perkahwinan ke jalan yang diredai Allah SWT, kita perlukan lebih daripada sekadar rasa cinta. Cinta semata-mata tidak memadai. Kita perlukan ilmu untuk memahami batas syariat dan adab dalam mengurus rumah tangga. Kita perlukan prinsip untuk menunaikan komitmen dan amanah dalam memikul tanggungjawab. Kita memerlukan nilai agama untuk memupuk sifat ihsan, kasih sayang, saling menghormati dan bertolak ansur. Selain itu, semestinya kita perlukan kematangan mengurus jiwa dan emosi dalam menghadapi cabaran kehidupan berumah tangga yang datang silih berganti.

### **Hadirin Jumaat yang dimuliakan,**

Kerap kali kita mendengar ungkapan sakinah, mawaddah dan rahmah sebagai unsur penting dalam membina rumah tangga yang sejahtera. Namun, apakah sebenarnya yang dimaksudkan dengan ungkapan tersebut?

Sakinah di sini sebenarnya membawa maksud ketenangan jiwa dan kedamaian hati yang lahir daripada interaksi suami isteri ketika menjalani kehidupan seharian. Mawaddah pula membawa maksud cinta yang tulus

dan kasih sayang yang mendalam, bukan sekadar pada lafaz, tetapi dizahirkan melalui pengorbanan, perhatian, dan kesetiaan terhadap pasangan. Manakala rahmah membawa makna sifat belas kasihan yang menuntut toleransi, kesabaran, saling memaafkan dan mendahulukan pasangan dalam segala urusan.

Apabila ketiga-tiga unsur ini menjadi terasnya, rumah tangga bukan sahaja menjadi tempat berlindung daripada gejolak nafsu syahwat, malah menjadi institusi pembinaan generasi soleh dan solehah. Anak-anak yang lahir daripada didikan penuh kasih sayang dan disiplin agama inilah yang bakal menjadi pemimpin pada masa hadapan dan membawa manfaat kepada ummah keseluruhan sebagaimana sejarah telah membuktikan Umar bin Abdul Aziz, seorang khalifah yang masyhur dengan keadilan dan sifat waraknya, lahir daripada didikan ibu bapa yang zuhud dan sentiasa takutkan Allah SWT.

### **Sidang Muslimin yang berbahagia,**

Islam tidak pernah sesekali merendahkan martabat seorang isteri atau menganggap perkahwinan sebagai halangan dalam beribadah. Hal ini jelas berbeza dengan amalan para rahib di Eropah pada zaman pertengahan yang menolak perkahwinan daripada kehidupan mereka, seolah-olah perkahwinan bakal menjadi penghalang kepada kesucian hidup mereka. Islam sama sekali tidak begitu. Rasulullah SAW sendiri berkahwin, para sahabat Baginda SAW juga berkahwin. Bahkan Ibnu Mas'ud *Radiallahuanhu* pernah menyebutkan:

*"Sekiranya umurku hanya tinggal sepuluh hari, nescaya aku ingin berkahwin, kerana aku tidak suka bertemu Allah SWT dalam keadaan membujang."*

Oleh itu, Islam sangat menggalakkan perkahwinan sebagai jalan menyempurnakan agama, dan pada masa yang sama melarang *tabattul*, iaitu menghindarkan diri daripada berkahwin hanya untuk mengasingkan diri dan menumpukan sepenuhnya pada ibadah.

Di sini perlu dijelaskan bahawa tidak wajar bagi seorang Muslim yang berkemampuan untuk menghindari perkahwinan dengan alasan ingin beribadat ataupun sibuk dengan urusan pekerjaan mahupun urusan duniawi yang lain. Hal ini ditegaskan dalam sebuah hadis yang diriwayatkan daripada Anas bin Malik *Radiallahuanhu* bahawa Baginda SAW bersabda yang bermaksud:

*"Demi Allah, sesungguhnya aku adalah orang yang paling takut kepada Allah dan paling bertakwa kepada-Nya di antara kamu. Namun, aku berpuasa dan aku juga berbuka, aku solat dan aku juga tidur, dan aku berkahwin dengan wanita. Maka sesiapa yang berpaling daripada sunnahku, maka dia bukan daripada kalanganku."*

*(Riwayat al-Bukhari).*

### **Sidang Muslimin Anak-anak Muda yang dikasihi Allah SWT,**

Sebelum melangkah ke alam perkahwinan, persiapkanlah diri kalian dengan sebaik-baiknya. Persediaan itu bukan sahaja dari sudut fizikal bahkan juga merangkumi kecerdasan akal fikiran, kewarasan dan kestabilan emosi, serta kekuatan rohani. Begitu juga cabaran di zaman kini menuntut kita untuk mahir dalam mengurus kewangan, cekap dalam berkomunikasi

dan bijaksana dalam mengatur langkah kehidupan mengikut neraca Islam kerana semua ini merupakan bekalan penting untuk membina sebuah rumah tangga yang sejahtera dan diberkati Allah SWT.

Rasulullah SAW juga telah menyeru anak-anak muda seluruhnya agar bersiap sedia dalam hal ini. Hadis yang diriwayatkan daripada Abdullah bin Masúd *Radiallahuanhu* bahawasanya Baginda SAW bersabda yang bermaksud:

*"Wahai para pemuda, sesiapa antara kamu yang mampu, maka hendaklah dia berkahwin, kerana kahwin itu dapat menundukkan pandangan dan memelihara kemaluan. Dan sesiapa yang belum mampu, maka hendaklah dia berpuasa, kerana puasa itu menjadi benteng baginya."*

*(Riwayat al-Bukhari dan Muslim).*

Atas dasar itu, sebahagian ulama berpendapat bahawa perkahwinan adalah fardu ke atas seorang Muslim yang berkemampuan, dan tidak wajar ditinggalkan selagimana dia mampu melaksanakannya. Tidak sepatutnya seorang Muslim menahan diri daripada berkahwin hanya kerana bimbang akan kesempitan hidup atau merasa berat dengan tanggungjawab yang bakal dipikul. Bahkan, seorang Muslim dituntut untuk berusaha dan berikhtiar mencari rezeki, dengan penuh keyakinan bahawa Allah SWT telah menjanjikan keluasan rezeki bagi mereka yang berkeluarga.

Allah SWT berfirman dalam surah al-Nur ayat 32, yang bermaksud:

*"Dan kahwinilah orang yang masih bujang (lelaki dan perempuan) antara kamu dan orang yang soleh daripada hamba-hamba sahayamu yang lelaki dan perempuan. Jika mereka miskin, Allah kan memberi kekayaan*

kepada mereka dengan kurniaan-Nya. Allah Maha Luas (pemberian-Nya), lagi Maha Mengetahui."

### **Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah SWT,**

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita menghayati beberapa pengajaran yang boleh dijadikan pedoman dalam kehidupan kita, iaitu:

1. Umat Islam hendaklah memahami bahawa keharmonian dalam rumah tangga tidak hanya bertunjangkan perasaan kasih semata-mata, tetapi ia perlu kepada ilmu, penghayatan terhadap prinsip agama serta kematangan dalam mengurus kehidupan mengikut neraca agama.
2. Umat Islam hendaklah meyakini bahawa Allah SWT telah menjanjikan rezeki bagi orang yang berkahwin demi menjaga kehormatan diri.
3. Umat Islam hendaklah meyakini bahawa perkahwinan bukan sekadar ikatan dua insan, tetapi sebuah akad yang menuntut tanggungjawab, hak, kasih sayang, dan ihsan. Ia adalah sunnah Rasulullah SAW dalam menyempurnakan agama dan menjadi benteng daripada fitnah serta maksiat.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
يَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَبَثَّ مِنْهُمَا رِجَالًا كَثِيرًا وَنِسَاءً وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي تَسَاءَلُونَ بِهِ وَالْأَرْحَامَ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْكُمْ رَقِيبًا.

"Wahai sekalian manusia! Bertakwalah kepada Tuhan kamu yang telah menciptakan kamu (bermula) daripada diri yang satu (Adam), dan yang



*menciptakan pasangannya (Hawa) daripada (Adam) lalu daripada kedua-duanya Allah mengembangbiakkan zuriat keturunan lelaki dan perempuan yang ramai. Dan bertakwalah kepada Allah yang kamu selalu meminta dengan menyebut-nyebut nama-Nya serta peliharalah hubungan (silaturahmi) kaum kerabat. Sesungguhnya Allah sentiasa memerhatikan (mengawasi) kamu."*

*(Surah al-Nisa': 1).*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ  
مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ  
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ  
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَنْزَلَ الشَّرِيعَةَ هُدًى لِلنَّاسِ وَرَحْمَةً،  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا  
عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا  
بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ  
فَازَ الْمُتَّقُونَ.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا  
عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.<sup>3</sup>

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ  
أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ  
الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

<sup>3</sup> Al-Ahzab: 56.



اَللّٰهُمَّ اَعِزَّ الْاِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِيْنَ، وَاَذِلَّ الشِّرْكَ وَالْمُشْرِكِيْنَ،  
وَدَمِّرْ اَعْدَاءَ الدِّيْنِ، وَاَجْعَلْ هَذَا الْبَلَدَ اَمِنًا مُّطْمَئِنًّا وَسَائِرَ  
بِلَادِ الْمُسْلِمِيْنَ.

اَللّٰهُمَّ وَفِّقْ اَئِمَّةَ الْمُسْلِمِيْنَ وَوُلَاةَ اُمُوْرِهِمْ وَجَمِيْعَ الْمُسْلِمِيْنَ لِمَا  
فِيْهِ صَلاَحُ الْبِلَادِ وَالْعِبَادِ.

اَللّٰهُمَّ اِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ اِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْاَمِيْنِ، وَنَسْأَلُكَ  
بِاسْمَائِكَ الْحُسْنٰى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمٰى، اَنْ تَحْفَظَ بَعِيْنَ  
عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا  
الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُوْر، سُلْطَانَ شَرَفُ الدِّيْنِ اَدْرِيسِ شَاهِ  
الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ صَلَاحُ الدِّيْنِ عَبْدِ الْعَزِيْزِ شَاهِ  
الْحَاجِ. اَللّٰهُمَّ اَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهِدَايَةَ وَالتَّوْفِيْقَ، وَالصِّحَّةَ  
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِيُوَلِّيَّ عَهْدِ سَلَاطُوْر، تَعْكُوْ اَمِيْر شَاهِ ابْنِ  
السُّلْطَانَ شَرَفُ الدِّيْنِ اَدْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ، فِيْ اَمْنٍ وَصَلَاحٍ  
وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْاِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطْلُ



عُمْرُهُمَا مُصْلِحَيْنِ لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلَغَ  
مَقَاصِدَهُمَا لَطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah! Kukuhkanlah akidah umat Islam berteraskan ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah yang berada di atas jalan Nabi Muhammad SAW dan para sahabat *Radiallahuanhum*. Jauhkanlah kami daripada segala bentuk rasuah dan salah guna kuasa, begitu juga kesesatan, syirik dan khurafat, serta lindungilah kami daripada fitnah yang boleh menggugat kesatuan dan perpaduan umat Islam.

Ya Allah! Kurniakanlah keamanan dan kemakmuran kepada negara dan negeri kami. Peliharalah kami daripada segala bentuk bala bencana, fitnah dan musibah seperti jenayah membunuh, perbuatan buli serta menzalimi orang lain. Anugerahkanlah kepada kami para pemimpin yang berintegriti, tegas dan berani menegakkan kebenaran berlandaskan syariat-Mu.

Ya Allah! Kami memohon perlindungan-Mu daripada kejahatan para musuh dan pengkhianat. Peliharalah kami daripada godaan syaitan dan tentera-tenteranya serta bimbinglah kami untuk sentiasa mendekatkan diri kepada-Mu.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ  
إِمَامًا.<sup>4</sup>

<sup>4</sup> Al-Furqan: 74.



ISLAMIC SAVOUR OBEEDIENCE

رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.<sup>5</sup>  
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَنِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَى  
وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ.<sup>6</sup>  
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ،  
وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا  
تَصْنَعُونَ.

<sup>5</sup> Al-Baqarah: 201.

<sup>6</sup> Al-Nahl: 90.